

Tema 1 Amalan Gaya Hidup Sihat

Tema 2 Beringat supaya Selamat

Hal. Buku Teks: 1 – 24

PEMAHAMAN

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Sudut Bahasa

► Kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan objek selepasnya. Contohnya, *balik, duduk, berenang, melompat, terjatuh*, dan sebagainya.

BAHAGIAN A Sistem Bahasa dan Pemahaman

◀ SP 2.2.3; 5.1.1; 5.1.2; 5.1.4; 5.6.1

Soalan 1 – 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.


- Para murid diingatkan agar berhati-hati semasa melakukan uji kaji di _____.
 A dewan C padang
 B makmal D perpustakaan

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- Rosli _____ semasa bermain bola sepak di padang petang tadi.
 A terjatuh C terhempap
 B terbaring D terguling
- Cikgu Lim mengemukakan _____ bahawa program Gaya Hidup Sihat perlu diadakan secara berterusan.
 A cadangan C tumpuan
 B harapan D rancangan
- Puan Serinah tetap berusaha untuk merawat penyakit anaknya walaupun harapan untuk sembuh agak _____.
 A runcing C tipis
 B genting D getir

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



- Ibu meminta adik mengemas mainan-mainan yang _____ di lantai.
 A bertaburan C berserakan
 B berguguran D bertempiran

Soalan 6 – 7

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Kita harus bersenam dan menjaga A pemakanan B seimbang agar badan C sihat dan cergas. Tiada kesalahan D
- Hiasan A rumah Puan Lina indah B serta dilengkapi dengan alat penggera demi menjaga keselamatan C keluarganya. Tiada kesalahan D

Soalan 8 – 9

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

8. I Ibu beransur *baik* selepas menjalani rawatan di hospital.
II Makanan seimbang memang *baik* untuk kesihatan kita.
III Faiz keluar ke bandar *baik* sahaja saya tiba di rumah.
IV Jurulatih itu mengajar cara berenang dengan cara yang *baik*.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
9. I *Keputusan* hubungan Zana dan Suzi disebabkan kejadian tempoh hari.
II Encik Kamsul menunggu *keputusan* doktor sebelum pembedahan dilakukan.
III Para penduduk di kawasan itu *keputusan* makanan akibat banjir yang teruk.
IV Ibu tidak bersetuju dengan *keputusan* abang untuk bekerja di pelantar minyak itu.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 10 – 11

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

10. Amira bertanyakan kepada saya cara-cara gaya hidup sihat.
- A bertanya saya
B tertanya kepada saya
C bertanya kepada saya
D bertanyakan kepada saya

11. Ibu minum jus peria itu berselang-seli dengan air kerana rasanya sangat pahit sebenar.

A sangat pahit
B pahit sangat
C sangat terpahit sekali
D sangat pahit sungguh

Soalan 12 – 13

Pilih ayat-ayat yang betul.

12. I Badannya agak lesu kerana tidak mendapat rehat dan tidur yang cukup.
II Lee Keat bangun awal pagi pada setiap hari.
III Sarah akan jumpa dengan doktor pada minggu hadapan.
IV Keindahan di kawasan itu sungguh terindah sekali.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
13. I Para murid harus kumpul di tapak perhimpunan semasa kecemasan.
II Saya melayari laman sesawang untuk mendapatkan maklumat pemakanan seimbang.
III Keadaan nenek masih lemah selepas menjalani pembedahan.
IV Pekerja yang bertugas di pelantar minyak harus mematuhi prosedur yang ditetapkan.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 14

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

14. Peribahasa yang berikut membawa maksud orang tidak mengendahkan nasihat orang lain, **kecuali**
- A mencurahkan air ke daun keladi.
B mencurah garam ke laut.
C masuk ke telinga kanan keluar ke telinga kiri.
D didengar ada, dipakai tidak.

Soalan 15 – 18 berdasarkan petikan prosa tradisional di bawah.

Sejak berada kembali di kampung halaman orang kayangan itu, anak yatim piatu itu tidak diperkenankan lagi melakukan pekerjaan lain selain menjaga dan mengawasi padi yang sedang dijemur.

Tidak berapa lama kemudian, luka pada tumit anak yatim piatu itu pun sembuhlah. Ia pun berfikir, "Jikalau saya kembali ke bumi dengan diam-diam tanpa diketahui oleh yang empunya padi ini, nescaya orang kayangan itu akan mengejar dan menangkap saya lagi." Kemudian anak yatim piatu itu berkata lagi kepada dirinya sendiri, "Biarlah kucing akal yang sebaik-baiknya untuk membawa padi itu ke bumi. Saya akan menyembunyikan beberapa butir padi di dalam lubang yang ada pada lukaku. Kemudian saya akan minta diri dengan baik-baik. Cara ini lebih baik dan tidak akan menimbulkan curiga kepada orang kayangan itu."

Maka diambilnya padi yang dijemur itu segenggam, lalu disembunyikannya butir-butir padi itu di dalam lubang-lubang luka pada tumitnya. Setelah itu ia pun meminta izin dengan baik-baik untuk pulang ke kampungnya, ke bumi tempat saudaranya yang tetap menantikannya.

Maka berkatalah induk semangnya, orang kayangan yang masih juga mencurigainya itu, "Baiklah, jikalau kamu ingin pulang ke kampung kamu, akan tetapi, sebelumnya itu saya akan memeriksa dan menggeledah kamu lebih dahulu. Barangkali ada padi yang disembunyikan untuk kamu bawa sebagai oleh-oleh ke bumi."

Dipetik dan diubah suai daripada prosa tradisional 'Asal Padi',
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Sudut Sastera

- Perwatakan ialah cara pengarang menggambarkan watak seperti jujur, berani, rajin, baik hati, dan sebagainya.

15. Apakah yang dilakukan oleh orang kayangan sebelum anak yatim pulang ke kampungnya?

- A Memeriksa dan menggeledah badan anak yatim itu
- B Membekalkan padi kepada anak yatim itu
- C Meminta anak yatim itu menjaga dan mengawasi padinya
- D Memastikan luka kaki anak yatim itu sudah sembuh

Orang kayangan hendak memeriksa badan anak yatim untuk memastikan anak yatim tidak lagi mencuri padinya.

16. Peribahasa yang paling sesuai untuk menggambarkan situasi di atas ialah

- A pisang berbuah dua kali.
- B buat baik berpada-pada.

C beringat-ingat sebelum kena.

D mencegah lebih baik dari merawat.

17. Yang berikut merupakan perwatakan anak yatim, **kecuali**

- A berkeyakinan.
- B tidak berputus asa.
- C bersikap kasar.
- D bijak.

18. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan prosa tradisional di atas?

- A Orang kayangan membenarkan anak yatim itu membawa padi ke kampung.
- B Anak yatim berusaha untuk membawa padi ke bumi.
- C Orang kayangan menemui padi di dalam tumit anak yatim.
- D Anak yatim dibenarkan untuk menanam padi di bumi.